



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**Tatacara Perolehan Perkhidmatan Pengendalian  
Kursus Dan Latihan**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

## KANDUNGAN

<b>PK 2.16</b>	<b>Tatacara Perolehan Perkhidmatan Pengendalian Kursus Dan Latihan .....</b>	<b>1</b>
<b>1.</b>	<b>Pendahuluan.....</b>	<b>1</b>
<b>2.</b>	<b>Kaedah Pelaksanaan.....</b>	<b>1</b>
<b>3.</b>	<b>Tarikh Kuat Kuasa .....</b>	<b>1</b>

## **PK 2.16 Tatacara Perolehan Perkhidmatan Pengendalian Kursus Dan Latihan**

### **1. Pendahuluan**

- 1.1 Perkhidmatan pengendalian kursus dan latihan adalah perkhidmatan bukan perunding. Oleh itu, perolehan perkhidmatan pengendalian kursus dan latihan hendaklah diuruskan mengikut tatacara perolehan semasa iaitu secara pembelian terus/sebut harga/tender mengikut nilai perolehan yang berkenaan. Bayaran kepada pensyarah/penceramah atau syarikat yang mengendalikan kursus/ latihan/seminar/ bengkel tidak boleh menggunakan kadar bayaran perunding kerana khidmat yang diberikan tidak melibatkan kerja-kerja perunding yang sebenarnya.

### **2. Kaedah Pelaksanaan**

- 2.1 Agensi hendaklah memastikan peruntukan telah diluluskan dan mencukupi.
- 2.2 Agensi hendaklah memberi keutamaan kepada kepakaran yang sedia ada di kalangan anggota perkhidmatan awam/agensi Kerajaan dan institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan mempunyai kepakaran khusus untuk memberi syarahan/ceramah atau mengendalikan kursus/latihan yang diperlukan.
- 2.3 Pelawaan untuk mendapatkan perkhidmatan penceramah atau pengendalian kursus/latihan hendaklah menyatakan dengan jelas skop perkhidmatan, bidang kepakaran/kelayakan/pengalaman penceramah, jumlah masa syarahan, bilangan peserta dan sebagainya supaya harga yang ditawarkan dapat diperincikan untuk penilaian.
- 2.4 Agensi hendaklah memastikan harga dan perkhidmatan yang ditawarkan adalah munasabah, paling menguntungkan, berkualiti dan sesuai dengan keperluan perkhidmatan awam.
- 2.5 Bagi penetapan kadar dan perolehan perkhidmatan kepakaran daripada kalangan bukan pegawai awam dalam program rasmi kerajaan termasuk pengendalian kursus dan latihan, Agensi hendaklah merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan berkaitan Pengurusan Wang Awam (WP10.9) yang berkuat kuasa.

### **3. Tarikh Kuat Kuasa**

Peraturan ini berkuat kuasa mulai 28 November 2022